

**HUBUNGAN PERLAKUAN DEVIAN DENGAN PONTENG
SEKOLAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BELUD, SABAH**



JUNAIDDI @ BAKLIN SUALIN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

**HUBUNGAN PERLAKUAN DEVIAN DENGAN PONTENG
SEKOLAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BELUD, SABAH**

JUNAIDDI @ BAKLIN SUALIN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

JUDUL: HUBUNGAN PERLAKUAN DEVIAN DENGAN PONTENG SEKOLAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA BELUD, SABAH

IJAZAH: SARJANA PENDIDIKAN

SAYA JUNAIDDI @ BAKLIN SUALIN SESI PENGAJIAN: 2008/09

mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD

Juliza

JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

[Signature]

(JUNAIDDI @ BAKLIN SUALIN)

(_____)

Tarikh : 05 JUN 2009

[Signature]

(DR. LAY YOON FAH)

Tarikh

:

20/8/09

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 JUN 2009



.....
JUNAIDDI@ BAKLIN SUALIN
PT20068424



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

TAJUK : HUBUNGAN PERLAKUAN DEVIAN DENGAN PONTENG
SEKOLAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BELUD, SABAH


IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 05 JULAI 2009

DISAHKAN OLEH

PENYELIA

DR. LAY YOON FAH
SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU
SABAH


(Tandatangan)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Tuhan kerana atas karuniaNYA, maka saya dapat menyempurnakan kajian ini pada batasan masa yang ditetapkan.

Jutaan terima kasih ditujukan khusus kepada Dr. Lay Yoon Fah selaku penyelia yang tidak mengira tempat dan waktu ketika memberikan bimbingan, penjelasan terperinci, sokongan dan bantuan ke arah menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada para pensyarah SPPS yang telah memberi tunjuk ajar dan berkongsi ilmu sepanjang kuliah pengurusan pendidikan ini: Dekan SPPS Prof. Dr. Zulkifli B. Mohamed, PM Dr. Salleh Abd Rashid, Prof. Dr Vincent Pang, Prof. Dr Mohammad Adam Bakar, PM Mejar Dr. Hamzah Omar, PM Dr. Hjh Naimah Yusoff, Dr. Sabariah Syarif, PM Dr. Mohd Yusof Bin Abdullah, Dr. Mohd Zaki Ishak.

Terima kasih juga buat semua staf SPPS yang terlibat secara langsung atau tidak.

Ucapan berbanyak terima kasih juga kepada pengetua-pengetua serta guru-guru di sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Segala kerjasama, pertolongan, dorongan serta buah fikiran yang diberikan hanya Tuhan yang mampu membalasnya.

Kepada pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah yang terlibat dalam kajian ini, terima kasih atas kerjasama yang diberikan.


Tidak dilupai juga buat rakan seperjuangan, Roberth yang tidak jemu-jemu membantu, Maspah, Ibrahim, Pauline dan semua rakan yang telah banyak memberi bantuan dan dorongan untuk saya meneruskan pengajian.

Akhir sekali, buat ibu bapa yang disayangi Sualin Bando dan Kimbai Kunong, terima kasih dengan sokongan, nasihat dan doa yang diberikan. Kepada adik-adik, Justinah, Rusdi, Doreen, Freddly, Pollenah, Nancy dan Canter, jadikan ini sebagai pendorong untuk meneruskan kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

**HUBUNGAN PERLAKUAN DEVIAN DENGAN PONTENG SEKOLAH
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BELUD**

Kajian ini telah dilakukan di daerah Kota Belud. Pemilihan lokasi kajian ini dibuat kerana masalah ponteng sekolah merupakan salah laku utama yang dicatatkan di daerah ini. Tujuan kajian ini bagi melihat hubungan antara perlakuan devian dengan masalah ponteng sekolah. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 190 orang pelajar tingkatan empat di tujuh buah sekolah di daerah Kota Belud yang mempunyai masalah ponteng sekolah. Data-data dikumpulkan melalui borang soal selidik yang mengandungi 32 item. Penganalisaan data-data dijalankan dengan menggunakan '*Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 16.0*' dengan menetapkan aras signifikan $p < 0.05$. Hasil kajian dihuraikan dengan menggunakan statistik deskriptif seperti bilangan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara perlakuan devian dengan ponteng sekolah. Soal selidik digunakan untuk melihat hubungan antara pelajar yang kerap ponteng sekolah dengan vandalisme, buli, penampilan diri pelajar serta mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Keputusan kajian mendapati pelajar yang kerap ponteng sekolah ini lebih cenderung kepada salah laku suka mengganggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian juga mendapati tidak terdapat hubungan antara salah laku vandalisme dan buli dengan masalah ponteng sekolah.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**RELATIONSHIP BETWEEN DEVIANT BEHAVIOUR
AND TRUANCY IN KOTA BELUD DISTRICT**

This study was conducted in Kota Belud. Reason being, truancy is one of the high frequency cases reported in this district. The objective of this study was to examine relationship between student deviant behaviour with truancy. The sample of this study consisted of 190 form four students in seven schools that are facing truancy problem in Kota Belud. The data was collected through questionnaire contained 32 items and data analysis was conducted using "statistical package for social science (SPSS) version 16.0". Statistical description such as frequency, percentage, mean and standard deviation was used to describe the finding of this study. Pearson correlation was used to examine relationship between deviant behaviour and truancy. Also, interview was carried out to students to identify relationship between students who play truant with vandalism, bully, undesired dressing and misbehaviour in classroom. The result showed that there was no significant relationship between vandalism and bully behaviour with that of truancy problem.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TAJUK KAJIAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	5
1.7 Definisi Operasional	6
1.7.1 Perlakuan Devian	6
1.7.2 Ponteng Sekolah	6
1.8 Kepentingan Kajian	7
1.9 Batasan Kajian	8
1.10 Kesimpulan	9

BAB II : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	10
2.2	Definisi Konseptual	11
2.2.1	Tingkah Laku Devian	11
2.2.2	Ponteng Sekolah	13
2.3	Tatacara Pelaksanaan Hukuman Ponteng Sekolah	14
2.3.1	Ringkasan Tindakan Terhadap Pelajar Ponteng Sekolah	18
2.4	Kesan Masalah Ponteng Sekolah	20
2.4.1	Kesan Kepada Diri Pelajar	20
2.4.2	Kesan Kepada Keluarga	21
2.4.3	Kesan Kepada Sekolah	21
2.4.4	Kesan Kepada Masyarakat dan Negara	21
2.5	Teori Perlakuan Devian	22
2.5.1	Teori Biologi	23
2.5.2	Teori Psikologi	24
2.5.3	Teori Behavioris	25
2.5.4	Teori Sosiologi	26
2.6	Devian Di Kalangan Remaja	28
2.6.1	Psikologi	28
2.6.2	Sosial	31
2.6.3	Pendidikan	31
2.7	Kesan Devian	32
2.7.1	Kesan Kepada Individu	33
2.7.2	Kesan Kepada Keluarga	33
2.7.3	Kesan Kepada Masyarakat	34
2.7.4	Kesan Kepada Pihak Sekolah	34
2.7.5	Kesan Kepada Kerajaan	35

2.8	Menangani Masalah Devian	35
2.8.1	Peringkat Awal	35
2.8.2	Peringkat Pertengahan	36
2.8.3	Peringkat Akhir	37
2.9	Tahap Keseriusan Ponteng Di Malaysia	37
2.10	Kajian Dalam Negeri	37
2.11	Kajian Luar Negara	38
2.12	Kerangka Konseptual Kajian	39
2.13	Kesimpulan	40

BAB III : METODOLOGI

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	42
3.4	Instrumen Kajian	44
3.5	Kebolehpercayaan Dan Kesahan	46
3.6	Prosedur Kajian	48
3.7	Analisis Data	50
3.8	Kesimpulan	52

BAB IV : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Analisis Jenis Perlakuan Devian	53
4.3	Analisis Tahap Ponteng	54
4.4	Pengujian Hipotesis	54
4.4.1	Hipotesis 1	54
4.4.2	Hipotesis 2	55
4.4.3	Hipotesis 3	56

4.4.4	Hipotesis 4	56
4.5	Rumusan Dapatan Kajian	57

BAB V : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	59
5.2	Rumusan Dapatan	59
5.3	Perbincangan	60
5.3.1	Jenis Perlakuan Devian Dalam Kalangan Pelajar	60
5.3.2	Hubungan Antara Kecenderungan Salah Laku Vandalisme Dengan Kekerapan Ponteng Sekolah	61
5.3.3	Hubungan Antara Kecenderungan Salah Laku Buli Dengan Kekerapan Ponteng Sekolah	63
5.3.4	Hubungan Antara Kecenderungan Penampilan Diri Pelajar Yang Tidak Kemas Dengan Kekerapan Ponteng Sekolah	64
5.3.5	Hubungan Antara Kecenderungan Mengganggu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Kekerapan Ponteng Sekolah	66
5.4	Implikasi Kerangka Kajian	67
5.5	Implikasi Hasil Kajian	69
5.6	Cadangan Kajian Lanjut	70
5.7	Kesimpulan Kajian	71

BIBLIOGRAFI

73

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A: Soal selidik	78
LAMPIRAN B: Pemberitahuan Ketidakhadiran Ke Sekolah: Amaran Pertama	81
LAMPIRAN C: Surat Akujanji Disiplin Pelajar	82
LAMPIRAN D: Pemberitahuan Ketidakhadiran Ke Sekolah: Amaran Kedua	83
LAMPIRAN E: Pemberitahuan Ketidakhadiran Ke Sekolah: Amaran Ketiga	84
LAMPIRAN F: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1996	85
LAMPIRAN G: Jenis Perlakuan Devian	87
LAMPIRAN H: Nilai Kebolehpercayaan Setiap Pembolehubah	88
LAMPIRAN I: Pengujian Hipotesis	90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Taburan Sampel Kajian Mengikut Sekolah	44
Jadual 3.2: Nilai Skala Bagi Item-Item Soalan	45
Jadual 3.3: Taburan Item Soal Selidik	46
Jadual 3.4: Taburan Item dan Nilai Cronbach alpha Bagi Perlakuan Devian	47
Jadual 3.5: Nilai Cronbach alpha dan Interpretasi	47
Jadual 3.6: Tahap Ponteng	48
Jadual 3.7: Jadual Prosedur Kajian	50
Jadual 3.8: Magnitud Nilai Kolerasi	51
Jadual 3.9: Penggunaan Alat Ukur	52
Jadual 4.1: Min dan Sisihan Piawai Perlakuan Devian Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat	53
Jadual 4.2: Analisis Tahap Ponteng	54
Jadual 4.3: Keputusan Kolerasi Hasil Darab Momen Pearson Antara Kecenderungan Salah Laku Vandalisme Dengan Gejala Ponteng Sekolah (N=182)	55
Jadual 4.4: Keputusan Kolerasi Hasil Darab Momen Pearson Antara Kecenderungan Salah Laku Buli Dengan Gejala Ponteng Sekolah (N=186)	55
Jadual 4.5: Keputusan Kolerasi Hasil Darab Momen Pearson Antara Kecenderungan Salah Laku Penampilan Diri Tidak Kemas Dengan Gejala Ponteng Sekolah (N=184)	56
Jadual 4.6: Keputusan Kolerasi Hasil Darab Momen Pearson Antara Kecenderungan Salah Laku Suka Mengganggu Proses P & P Dengan Gejala Ponteng Sekolah (N=183)	57
Jadual 4.7: Keputusan Ujian Hipotesis Kajian	58

	Halaman
Rajah 2.1: Kerangka Kajian	40
Rajah 5.1: Implikasi Kerangka Kajian	68



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PK	-	Penolong Kanan
HEM	-	Hal Ehwal Murid
UBK	-	Unit Bimbingan & Kaunseling
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PRS		Pembimbing Rakan Sebaya



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan tingkah laku pelajar merupakan perkara penting yang seharusnya dititik beratkan dalam pendidikan. Pembangunan sikap serta penghayatan terhadap amalan dan nilai-nilai positif dalam pendidikan perlulah berterusan selaras dengan kehendak dan hasrat agenda Falsafah Pendidikan Negara. Elemen-elemen penting ini tidak seharusnya dipandang remeh oleh semua pihak kerana ianya menjadi salah satu faktor ke arah pembangunan potensi pelajar ke arah pencapaian yang lebih baik dalam bidang akademik. Sikap dan tingkah laku pelajar dianggap penting kerana ianya mencerminkan perwatakan dan penampilan setiap individu dalam berbagai situasi dan persekitaran. Sikap dan amalan yang baik akan membimbing dan membangunkan mentaliti pelajar ke arah peribadi yang lebih positif, disenangi dan berkeupayaan mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi.

Di sebalik tingkah laku yang positif, wujud pula perlakuan yang bertentangan dengan norma-norma sosial iaitu perlakuan devian. Perlakuan devian di kalangan pelajar juga boleh menyebabkan berbagai masalah sosial bukan sahaja di kawasan sekolah tetapi juga di luar sekolah. Ini merupakan gejala sosial yang ditakuti oleh pihak ibu bapa, guru dan masyarakat. Perlakuan devian di kalangan pelajar amat berkaitan dengan pesonaliti negatif yang ditampilkan oleh seseorang pelajar seperti melanggar peraturan sekolah, bergaduh, merosakkan harta benda dan mencuri (Clarice, 2004). Dalam kajian ini, penyelidik akan mengenal pasti hubungkait perlakuan devian ini dengan kes ponteng sekolah yang merupakan salah laku utama pelajar di daerah Kota Belud.

Teori sikap dan tingkah laku ini telah dipelopori oleh Freud (1951), yang membentuk teorinya daripada pemerhatian beliau terhadap pesakit-pesakit mental. Teori ini mementingkan pengamalan awal kanak-kanak dan motivasi-motivasi tidak sedar dalam mempengaruhi tingkah laku. Freud mengandaikan bahawa antara

penentu tingkah laku dan pesonaliti manusia adalah desakan-desakan tidak sedar dalam diri yang dinamakan psikodinamik. Perkembangan manusia sebahagiannya bergantung kepada perubahan desakan naluri-naluri tersebut kepada tingkah laku rasional yang diterima masyarakat.

Punca salah laku devian di kalangan pelajar boleh dikaitkan dengan masalah etika dan moral (Gibbons & Krohn, 1986). Perlakuan devian berlaku akibat longgarnya pegangan nilai, kepercayaan dan prinsip hidup manusia. Asas pendidikan agama yang cetek, pelajar mudah terdorong melakukan sesuatu perkara yang bercanggah dengan norma-norma hidup masyarakat. Devian juga dipercayai berpunca daripada persekitaran yang wujud seperti keadaan prasarana dan kualiti hidup setempat. Kawasan kilang, setinggan dan pusat-pusat hiburan boleh mengundang pelbagai masalah sosial.

Sikap dan perlakuan pelajar amat bergantung kepada kedudukan persekitaran yang wujud. Ini bermaksud sekiranya masyarakat sekitar menggalakkan pendidikan secara berterusan, pelajar mempunyai dorongan yang kuat untuk mencari ilmu (Joharah, 1999). Tanpa '*role model*', pelajar kurang bermotivasi bagi meningkatkan pendidikan dan sindrom ini sering wujud di kalangan pelajar. Ibu bapa merupakan agen penting untuk memberi kesedaran kepada anak-anak tentang kepentingan pendidikan (Kamaruddin, 1996). Begitu juga dengan masyarakat sekeliling yang seharusnya sentiasa memberi dorongan yang boleh membantu pembangunan dan perkembangan pendidikan pelajar dengan mewujudkan kerjasama yang erat dengan pihak sekolah. Masyarakat seharusnya melaporkan segala tingkah laku negatif pelajar kepada pihak yang bertanggungjawab dan bersama menanganinya.

Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini dapat mendedahkan senario tentang sikap dan perlakuan devian serta hubungannya dengan masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Kota Belud. Ianya pasti memberi faedah yang besar terhadap pembangunan pendidikan khususnya di daerah Kota Belud dan amnya di Sabah. Dalam pendidikan yang semakin berkembang maju seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020, pelajar juga seharusnya berkembang bersama kemajuan negara dengan memiliki sikap serta perlakuan positif terutamanya dalam bidang akademik.

Pelajar adalah aset masa depan negara. Oleh itu, mereka haruslah menjadi warga yang berguna dan untuk itu mereka perlu dibekalkan dengan pendidikan yang lengkap dengan nilai-nilai murni serta sahsiah peribadi mulia agar mereka mampu menghadapi segala cabaran untuk terus maju ke hadapan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masalah ponteng sekolah merupakan salah laku disiplin utama di daerah Kota Belud. Pelajar yang sering ponteng sekolah ini juga dikaitkan dengan perlakuan devian. Secara amnya, perlakuan devian yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Kota Belud termasuklah merosakkan harta benda sekolah, mengancam pelajar lain, berpakaian tidak kemas serta mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Empat jenis salah laku inilah yang dikesan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling, Pejabat Pelajaran Daerah Kota Belud pada tahun 2008 yang kerap dilakukan oleh pelajar. Senarai salah laku ini adalah hampir sama dengan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1994), yang menyenaraikan ponteng, pakaian tidak mengikut peraturan, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, menghisap rokok, merosakkan harta benda sekolah dan guru serta berbohong sebagai salah laku utama yang dikesan pada ketika itu.

Perlakuan devian di kalangan pelajar seharusnya diberi perhatian khusus kerana perlakuan devian boleh membawa kepada gejala-gejala sosial yang tidak sihat. Gejala-gejala sosial ini bukan setakat berlaku dalam kawasan sekolah malahan di luar sekolah dan ianya amat membimbangkan semua pihak. Kajian ini cuba mengenal pasti hubungan gejala ponteng sekolah dengan perlakuan devian dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Kota Belud.

Perlakuan pelajar yang menentang budaya akademik merugikan para pelajar, ibu bapa, masyarakat dan negara. Apabila pelajar tidak berusaha mempertingkatkan kemajuan diri yang boleh membawa kemajuan dan kejayaan, mereka didapati lebih terdedah kepada perbuatan devian. Kes ponteng sekolah yang serius di daerah ini dikaitkan dengan pelajar yang mempunyai masalah disiplin di sekolah.

Oleh itu, kajian ini ingin melihat secara lebih terperinci hubungan perlakuan devian dengan masalah ponteng sekolah pelajar di daerah Kota Belud. Persoalan-persoalan yang diwujudkan termasuklah, apakah jenis-jenis tingkah laku devian yang

kerap dilakukan oleh pelajar? Persoalan lain yang timbul ialah apakah kecenderungan perlakuan devian yang dilakukan oleh pelajar yang mempunyai kes ponteng sekolah?. Persoalan-persoalan inilah yang akan cuba dijawab dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Ponteng berkait rapat dengan pelbagai masalah. Laporan KPM (2004) menyatakan, ponteng sekolah merupakan salah laku utama pelajar di Malaysia. Di daerah Kota Belud, masalah ponteng sekolah ini juga merupakan masalah utama yang dilaporkan oleh sekolah-sekolah menengah pada tahun 2008.

Menurut KPM (1994), ponteng adalah "perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika dijadikan satu tabiat atau amalan, boleh membawa kesan negatif terhadap diri pelajar, keluarganya dan juga sekolah. Ponteng sekolah dan ponteng kelas memungkinkan seseorang pelajar itu hilang sifat bertanggung jawab, berdolak-dalik dan menentang. Pelajar yang ponteng akan terlibat dengan kegiatan-kegiatan negatif dan berakhir dengan keciciran".

Ulasan di atas menjelaskan bahawa perbuatan ponteng bukan sahaja boleh membentuk sikap kurang bertanggungjawab pada seseorang pelajar tetapi boleh menyebabkan masalah keciciran. Ini terbukti dengan banyak kajian sebelum ini. Misalnya, Ismail (1981) dan juga Mat Kilau (1997) dalam kajian mereka menyatakan bahawa pelajar ponteng adalah bakal calon yang akan tercicir dalam akademik. Keciciran biasanya bermula dengan perbuatan tidak hadir ke sekolah. Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Awang (2005) yang merumuskan bahawa peramal yang penting untuk keciciran ialah ponteng. Ng Kah Ghor (2006) juga membuat rumusan yang sama dengan menyatakan pelajar yang terlalu kerap ponteng adalah lebih berkemungkinan untuk tercicir daripada persekolahan. Kesan negatif ponteng dan keciciran ini juga akan menjadikan rakyat yang kurang produktif pada jangka masa panjang.

Pendapat dan hasil kajian di atas boleh disimpulkan bahawa ponteng bukanlah satu isu yang berdiri sendiri tetapi salah laku itu berkait rapat dengan banyak masalah sosial yang lain. Ponteng boleh berpunca daripada satu sebab atau campuran pelbagai sebab (Abd. Majis, 2005). Isu ponteng akan kekal sebagai bahan

laporan sensasi akhbar dan juga sebagai rekod perangkaan KPM jika tidak ada tindakan mengawal yang berkesan.

Masalah ponteng sekolah ini adalah merupakan satu masalah yang amat rumit dan memerlukan kaedah yang tepat untuk menanganinya. Masalah ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab guru semata-mata tetapi ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya turut bertanggungjawab.

1.4 Soalan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa persoalan yang ditimbulkan. Soalan-soalan ini termasuklah;

- i. Apakah jenis tingkah laku devian dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Belud?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara kecenderungan perlakuan devian dengan kekerapan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Kota Belud?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas, sebanyak dua objektif telah dibentuk. Objektif-objektif kajian ini terdiri daripada;

- i. Mengenal pasti jenis perlakuan devian dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Belud.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara kecenderungan perlakuan devian pelajar dengan kekerapan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Kota Belud.

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian, empat hipotesis telah dibina. Hipotesis yang diuji ini berdasarkan aras signifikan $p < .05$. Hipotesis yang diuji terdiri daripada:

- H_{01} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan salah laku vandalisme dengan gejala ponteng sekolah.
- H_{02} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan salah laku buli dengan gejala ponteng sekolah.

- Ho₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan salah laku penampilan diri tidak kemas dengan gejala ponteng sekolah.
- Ho₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan salah laku suka mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dengan gejala ponteng sekolah.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu ditakrifkan. Antara istilah-istilah tersebut termasuklah;

1.7.1 Perlakuan Devian

Tingkah laku ialah apa sahaja aktiviti yang dapat diperhatikan, direkod dan diukur. Tingkah laku juga diperhatikan apabila individu menyebut atau menulis sesuatu. Dalam "*Dictionary of Contemporary English*" kelakuan devian adalah kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial. Menurut Robert (1957), menyatakan devian adalah kelakuan mengikut arah yang tidak dipersetujui yang bertentangan dengan norma dan darjatnya melebihi had toleransi sesuatu masyarakat.

Dalam kajian ini, pelajar yang berkelakuan devian merujuk kepada pelajar yang sering melanggar peraturan sekolah seperti suka merosakkan harta benda sekolah (vandalisme), mengancam pelajar lain (buli), berpakaian tidak kemas serta suka mengganggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Bagi mengumpul data mengenai perlakuan devian, borang soal selidik digunakan disamping data-data yang diperolehi daripada Pejabat Pelajaran Daerah dan di sekolah-sekolah yang dikaji.

1.7.2 Ponteng Sekolah

Untuk tujuan kajian ini, ponteng sekolah diertikan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa kebenaran sekolah berdasarkan rekod kehadiran yang disimpan oleh guru kelas di sekolah. Ketidakhadiran yang berpunca daripada cuti sakit, kegiatan kokurikulum atau ketidakhadiran dengan kebenaran pihak sekolah tidak diambil kira sebagai ponteng sekolah. Dalam kajian ini, kehadiran pelajar dikira dari bulan Januari sehingga 13 Mac 2009. Data-data mengenai jumlah ketidakhadiran pelajar diperolehi daripada Buku Rekod Kehadiran Kelas di sekolah-sekolah yang dikaji.

Pelajar yang menjadi sampel adalah pelajar yang mencatatkan ketidakhadiran sekurang-kurangnya lima hari secara berkala sama ada lelaki atau perempuan. Jumlah ketidakhadiran ini masih belum diberikan surat amaran sehingga mencapai 10 hari. Bagaimanapun untuk ketidakhadiran berterusan, kegagalan pelajar hadir ke sekolah tanpa sebab atau kebenaran selama lima hari, perlu diberikan surat amaran pertama. Untuk tujuan kajian ini, penyelidik telah membahagikan keseriusan gejala ponteng sekolah kepada beberapa tahap iaitu belum mendapat surat amaran, telah mendapat surat amaran pertama iaitu ketidakhadiran lima hingga tujuh hari ketidakhadiran berterusan atau telah mencapai 10 hari ketidakhadiran secara berkala.

Pelajar yang telah mendapat surat amaran kedua iaitu telah mencatatkan ketidakhadiran sebanyak 12 hari secara berterusan atau 20 hari secara berkala. Surat amaran ketiga/terakhir dikeluarkan apabila ketidakhadiran mencapai 19 hari secara berterusan atau 40 hari secara berkala. Hukuman gantung sekolah bertarikh akan dibuat setelah ketidakhadiran mencapai 26 hari secara berterusan atau 50 hari secara berkala. Hukuman gantung sekolah tanpa tarikh akan dibuat setelah mencatatkan ketidakhadiran berterusan sebanyak 30 hari atau telah mencapai 60 hari secara berkala.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ponteng sekolah bukan perkara baru di negara kita. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah lama mengumpul perangkaan tentang salah laku pelajar termasuk masalah ponteng sekolah. Namun begitu adalah lebih berfaedah sekiranya usaha dibuat untuk mengesan kecenderungan pelajar yang ponteng untuk dijadikan rujukan semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan.

Bagi guru-guru dan pentadbir sekolah, kajian ini akan menjadi satu penyemakan dan juga satu refleksi yang berguna untuk direnung kembali tentang pengurusan sekolah termasuk pengurusan pelajar ponteng. Maklumat kajian ini dapat memberikan kesedaran tentang kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam sistem pengurusan sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Bagi ibu bapa, kajian ini akan membolehkan mereka lebih memahami anak-anak mereka terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan salah laku ponteng sekolah dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung masalah ini.

Bagi Jabatan Pelajaran Negeri, kajian ini akan dapat membantu perancangan strategi yang lebih berkesan untuk menangani masalah ponteng sekolah. Dengan itu, adalah diharapkan maklumat dalam kajian ini akan memberi sumbangan terhadap usaha peningkatan prestasi akademik pelajar dan melahirkan pelajar yang lebih bertanggungjawab dan berkualiti.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan tujuh buah sekolah menengah di daerah Kota Belud yang mana kebanyakan pelajarinya datang dari kampung-kampung sekitar daerah Kota Belud. Oleh itu segala hasil kajian tidak semestinya tepat untuk seluruh negeri Sabah atau negara.

Selain itu sampel hanya terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang telah dikenal pasti mempunyai masalah ponteng sekolah berdasarkan rekod dalam buku Rekod Kehadiran Pelajar serta data-data yang disimpan oleh unit disiplin sekolah yang terlibat, maka kemungkinan hasil kajian ini kurang tepat jika dibuat generalisasi terhadap pelajar peringkat umur yang lain.

Pelajar yang terlibat adalah pelajar yang telah mencatatkan ketidakhadiran sekurang-kurangnya lima (5) hari secara berkala sepanjang hari persekolahan yang bermula Januari sehingga 13 Mac 2009. Kes ponteng berkala ini belum mendapat surat amaran sehingga mencapai ketidakhadiran sebanyak 10 kali. Disebabkan masa kajian yang terbatas, bilangan pelajar yang telah mencatatkan ketidakhadiran sehingga lima kali juga adalah sedikit. Oleh itu, sampel dalam kajian ini terhad sehingga 30 orang pelajar bagi sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang melebihi 200 orang dan 20 orang pelajar bagi sekolah yang tidak mencapai 200 orang pelajar tingkatan empat.